

"**S**aya berharap agar dapat gunakan setiap saat yang diberi oleh universiti untuk berada dalam kepimpinan, sentiasa berbakti kepada mahasiswa dan terus mengasah kemahiran kepimpinan saya," demikian luah Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (TYDP MPP) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Muhammad Redzuad Ras Abdul Rask.

Menurut anak muda ini, penglibatan dalam majlis pelajar dapat mengajar diri menjadi individu yang positif, tahap keterampilan yang tinggi, remaja yang berkemahiran, berkeyakinan tinggi dan berdaya saing.

"Kini saya lebih berfikiran terbuka dalam menerima kritikan. Minda sentiasa bersedia menerima teguran dan kritikan melalui diplomasi," katanya.

Dikenali dengan panggilan Add dalam kalangan rakan-rakan kampus, Muhammad Redzuad adalah penuntut tahun dua, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal (Automotif), berusia, 21, dari Gombak, Selangor.

Menceritakan kisah keluarga, Add adalah anak kedua daripada tiga adik beradik, daripada pasangan Abdul Rask Laludin seorang ahli perniagaan, manakala ibunya, Syed Rabiah Zainal Abidin, suri rumah.

Abangnya, Muhammad Rafee, 23, menuntut di Universiti Teknologi Malaysia, (UTM) Skudai, Johor, manakala adik perempuan Rasyiqah, 19, kini mengikuti program diploma di Universiti Tenaga Nasional (Uniten), di Pahang.

Menceritakan sumber inspirasi dalam kepimpinan, Muhammad Redzuad akui abang sulung yang pernah menyandang Naib Yang Dipertua Aktiviti MPP UTM sesi 2013/2014 memacu minatnya untuk terbabit dalam kepimpinan.

Menceritakan karakter diri pula, jelasnya dia seorang yang mudah menerima kritikan, lebih-lebih lagi yang membina bagi sebagai menambah



Peluang pameran ketokohan diri

Muhammad Redzuad bina keyakinan melalui kepimpinan kampus



Bersama Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

baik struktur kepimpinan sekali gus kebajikan siswa terus terjaga.

Memperincikan tentang minatnya dalam kepimpinan, Muhammad Redzuad berkata, tidak dinafikan sebelum dicalonkan, dia sememangnya seorang yang sangat aktif dalam pelbagai aktiviti terutama melibatkan aktiviti sukarelawan.

"Saya adalah peserta sukarelawan yang terlibat dalam "Projek Titik Sentuhan 5.0 Vietnam", berlangsung di Ho Chi Minh,

"Ketika Program SOS Children's Village, saya mengajar subjek Bahasa Inggeris kepada anak tempatan di sana. Melalui penglibatan langsung dalam program sebegini, sumbangan kita sebagai mahasiswa tidak dibatasi hanya dalam negara tetapi merentasi sempadan hingga ke luar negara," katanya.

RANCANG KERJA AWAL

Memilih penglibatan langsung dalam kepimpinan tentunya memerlukan komitmen tinggi. Jelas Muhammad Redzuad, pengurusan masa yang berkesan sebenarnya tidaklah semudah disangka.

Walaupun memiliki 24 jam sehari, tetapi untuk menjadi seorang pemimpin gemilang, kita harus menguruskan masa dengan berkesan.

"Saya akui pengurusan masa penting untuk membantu seorang pemimpin menetapkan matlamat yang ingin dicapai pada masa yang ditentukan. Pengurusan masa yang baik dapat mengelakkan diri berdepan dengan tekanan dan perasaan kebingungan," katanya.

Berkongsi cara menguruskan masa, katanya, dia lebih senang menggunakan perancangan kerja yang lebih awal. Dalam proses ini, mahasiswa seharusnya sentiasa berfikiran positif.

Berada dalam kalangan pemimpin, sudah tentu dia dihujani cabaran dan kritikan yang tidak mampu dielak.

Katanya, kritikan adalah sebahagian dari proses mencapai kejayaan. Semua pemimpin terkenal juga menerima berjuta kritikan negatif setiap hari, jadi ketahanan mental dan kesabaran tinggi amat perlu bila berdepan kritikan sama ada negatif mahupun untuk tujuan membina.

"Bagi saya, kritikan negatif akan saya pulihkan semula dengan positif untuk terus membantu saya dalam membina empayar kepimpinan yang rasional dan proaktif. Bagi terus berbakti kepada mahasiswa kritikan amat diperlukan agar saya dapat lihat kelemahan dan memperbaiki kekhilafan diri secepat yang mungkin," ujarnya.

Melihat penglibatan mahasiswa yang semakin aktif dalam kepimpinan mahupun program-program persatuan, Muhammad Redzuad mempunyai pendapat tersendiri.

"Saya meletakkan inisiatif kerajaan dalam memperkenalkan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) adalah satu tindakan yang kognitif dalam melahirkan mahasiswa yang mempunyai kemahiran kepimpinan terbaik.

"Antara cabaran utama dalam sistem pendidikan yang lebih tinggi, termasuk Malaysia dengan tujuan utama adalah untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi dilengkapi kemahiran insaniah ilmu pengetahuan yang meluas, nilai, kebolehan kepimpinan (termasuk cinta sukarelawan), dan keupayaan untuk berfikir secara kritis," katanya.

Akhiri Muhammad Redzuad, kampus adalah salah satu pusat intelektual penyedia ruang berkembangnya pemikiran, isu-isu nasional hingga internasional.

"Bagi saya, politik kampus adalah hak mutlak mahasiswa dalam menyalurkan pendirian masing-masing, tetapi politik tidak seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang menjadi tonggak utama kepada mahasiswa ketika membuat keputusan memilih pemimpin," katanya.



Redzuad (depan, tengah), bersama rakan sekretariat MPP yang sering membantu gerak kerja.



MUHAMMAD REDZUAD